



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 1 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **11,326 kes** (925,965 kes kumulatif, 81.9%);
- Kes baharu : **17,150 kes** (1,130,422 kes kumulatif);
- Kes import : **1 kes** (1 warganegara);
- Kes tempatan : **17,149 kes** [14,443 warganegara (84.2%); 2,706 bukan warganegara (15.8%)];
- Kes aktif : **195,273 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,059 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **531 kes**;
- Kes kematian : **160 kes** (9,184 kes kumulatif, 0.81%; 140 warganegara, 20 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,702 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **23 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,586 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,116 kluster**.


Daripada **17,150 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **745 kes (4.3 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **16,405 kes (95.7 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes, sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti **Rajah 1**.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 1 OGOS 2021



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Vaksinasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **160 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **55 kes** di Selangor, **25 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, masing-masing **14 kes** di Negeri Sembilan dan Johor, masing-masing **10 kes** di Melaka dan Kedah, **lapan (8) kes** di Pahang, **tujuh (7) kes** di Sabah, **enam (6) kes** di Pulau Pinang, masing-masing **empat (4) kes** di Kelantan dan Perak, serta **tiga (3) kes** di Terengganu.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 31 JULAI 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **31 Julai 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak 1.12. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Perlis (nilai R_T 1.47) dan Terengganu (nilai R_T 1.42) diikuti oleh Kelantan (nilai R_T 1.27). Semua negeri mencatatkan R_T melebihi 1.0 kecuali Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

1 Ogos 2021 @ 7:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 1 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,326	413,745
WP KUALA LUMPUR	2,086 (1)	125,113
JOHOR	1,045	91,728
SABAH	1,002	85,723
SARAWAK	578	77,306
NEGERI SEMBILAN	809	72,300
KEDAH	1,511	47,142
PULAU PINANG	752	46,585
KELANTAN	459	43,453
PERAK	693	38,372
MELAKA	686	32,052
PAHANG	676	25,112
TERENGGANU	429	17,377
WP LABUAN	5	9,666
WP PUTRAJAYA	72	4,023
PERLIS	21	725
JUMLAH KESELURUHAN	17,150 (1)	1,130,422

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 160 kes kematian pada 1 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JANTINA		KEWARGANEGARAAN		TEMPAT KEMATIAN		SEJARAH PENYAKIT
		L*	P*	WN**	BWN**	HOSPITAL	BID***	
SELANGOR	55	33	22	45	10	51	4	44
WP KUALA LUMPUR	25	20	5	18	7	20	5	19
NEGERI SEMBILAN	14	9	5	14	-	13	1	13
JOHOR	14	8	6	14	-	14	-	13
MELAKA	10	3	7	10	-	8	2	9
KEDAH	10	7	3	10	-	10	-	9
PAHANG	8	4	4	8	-	5	3	6
SABAH	7	3	4	6	1	5	2	6
PULAU PINANG	6	4	2	4	2	5	1	4
PERAK	4	1	3	4	-	4	-	4
KELANTAN	4	2	2	4	-	3	1	3
TERENGGANU	3	-	3	3	-	2	1	3
JUMLAH	160	94	66	140	20	140	20	133

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 17,150 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 1 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,326	170	4,023	-	2,133
WP KUALA LUMPUR	2,086	685	731	1	669
KEDAH	1,511	185	866	-	460
JOHOR	1,045	275	537	-	233
SABAH	1,002	133	591	-	278
NEGERI SEMBILAN	809	25	529	-	255
PULAU PINANG	752	83	322	-	347
PERAK	693	71	330	-	292
MELAKA	686	196	322	-	168
PAHANG	676	141	396	-	139
SARAWAK	578	64	440	-	74
KELANTAN	459	129	258	-	72
TERENGGANU	429	173	218	-	38
WP PUTRAJAYA	72	-	49	-	23
PERLIS	21	-	7	-	14
WP LABUAN	5	-	4	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	17,150	2,330	9,623	1	5,196

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 1 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Jalan Gemilang Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	24	89
2	Industri Tanjung Kulai	Tempat Kerja	Johor	Kulai	13	101
3	Jalan Tembaga Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	13	303
4	Jalan Angkasa Mas Utama	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	14	127
5	Jalan Bertam Lima	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	16	73
6	Industri Jalan Tunjong	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu, Machang, dan Tumpat	6	15
7	Jalan Padang Tembak 2	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	24	41
8	MIEL Batang Kali	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	22	106
9	Tapak Bina Jalan Impian Indah	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	428	771
10	Jalan Ong Yi How	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	20	37
11	Industri Tanjung Bruas	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	99	200
12	Kampung Tok Junuh Mahligai	Komuniti	Kelantan	Bachok	13	28
13	Kampung Jelutong Gunong	Komuniti	Kelantan	Bachok	16	51
14	Jalan Sultan Ibrahim	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	8	20

15	Kampung Quop	Komuniti	Sarawak	Kuching	19	50
16	Kandis Pantu	Komuniti	Sarawak	Sri Aman	6	9
17	Tembidong Bidong	Komuniti	Sabah	Telupid dan Beluran	88	292
18	Jalan Patikang Ulu	Komuniti	Sabah	Keningau	17	24
19	Gerachi	Komuniti	Selangor	Hulu Selangor	29	44
20	Jalan Sejahtera Lapan	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Klang	5	23
21	Jalan Kerayong	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Cheras	47	50
22	Jalan Maktab 2	Institusi Pendidikan KPM	Selangor	Sepang dan Hulu Langat	25	42
23	Pagar Pasir Puteh	Pusat Tahanan	Kelantan	Pasir Puteh	12	16

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 31 JULAI 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.47
TERENGGANU	1.42
KELANTAN	1.27
SABAH	1.21
KEDAH	1.21
PERAK	1.21
WP PUTRAJAYA	1.20
PULAU PINANG	1.18
JOHOR	1.17
PAHANG	1.15
WP KUALA LUMPUR	1.10
SELANGOR	1.08
SARAWAK	1.05
MELAKA	1.05
NEGERI SEMBILAN	0.90
WP LABUAN	0.70
MALAYSIA	1.10